

'Pemulauan sandiwara politik'

Pemimpin BN sifatkan tindakan pembangkang sebagai tutup kelemahan sendiri

Oleh Misiah Taib, Wan Hazmir Bakar, Rosli Abdul Jalil, Tuan Nazuri Tuan Ismail dan Akmal Ilham

KUALA LUMPUR: Pemimpin Barisan Nasional (BN) semalam menyifatkan tindakan Pas dan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) memulaukan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Pahang, sebagai sandiwara dan muslihat politik.

Mereka percaya dua parti itu sedar rakyat menyokong BN biarpun pelbagai tohmahan dilemparkan terhadap kepemimpinan sekarang dan pemulauan itu sekadar taktik pembangkang menutup kelemahan diri mereka.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pemulauan pilihan raya kecil itu adalah

taktik Pas dan Keadilan menutup kelemahan mereka kerana menyedari Batu Talam adalah kubu kuat BN.

"Lagipun pilihan raya umum dah tak lama lagi dan kalau mereka kalah di Batu Talam, ia petanda mereka akan tewas lebih besar di kawasan lain termasuk Kelantan," katanya di Melaka, semalam.

Malam kelmarin, Pas dan Keadilan mengumumkan untuk memulaukan pilihan raya kecil DUN Batu Talam yang dijadualkan pada 28 Januari ini dengan alasan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mampu mengendalikan pemilihan yang bersih dan bebas.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula menyifatkan tindakan Pas dan Keadilan sebagai muslihat politik untuk melemahkan jentera pilihan raya BN

yang sudah bergerak.

"Sebenarnya mereka tidak yakin, tetapi pada masa sama mereka ada muslihat melemahkan jentera BN," katanya sambil mengingatkan jentera pilihan raya parti supaya tidak termakan umpan pembangkang itu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri

“*Jika tidak telus, undurl dari Kelantan, bagi BN perintah. Sebenarnya, alasan yang dibuat itu hanya dalih***”**

Adnan Yaakob
Menteri Besar Pahang

Adnan Yaakob, menyifatkan tindakan Pas dan Keadilan menyalahkan SPR sekadar dalih untuk berundur selepas mendapati pengundi di Batu Talam tidak menyokong mereka.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang berkata, Pas tidak mungkin boleh memerintah Kelantan sehingga sekarang jika SPR tidak telus dan adil seperti yang didakwa mereka.

Beliau berkata demikian selepas majlis Penyampaian Bonus Insentif Produktiviti Peneroka Felda Gugusan Tersang di Raub.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Pas dan Keadilan sepatutnya memberi alasan lebih kukuh untuk tidak bertanding pada pilihan raya kecil itu.

Beliau yang juga Menteri Besar

Perlis berkata, alasan diberikan itu terlalu umum dan menggambarkan Pas dan Keadilan takut bertanding.

"Pembangkang tidak demokratik kerana tidak memberi alasan kukuh mengapa mereka tidak mahu bertanding pada pilihan raya kecil Batu Talam," katanya selepas majlis Anugerah Pelajar Cemerlang UPSR dan PMR di Kangar.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa, berkata keputusan itu membuktikan kepemimpinan Pas dan Keadilan menjangka kekalahan mereka pada pilihan raya kecil itu.

"Untuk menutup malu dari dituduh sebagai pengecut, mereka mencipta pelbagai alasan karut-marut sedangkan kita dalam BN tidak menganggap penyertaan kita sebagai cara mengukur prestasi," katanya.